

**PM terima kunjungan 3 duta besar baru**  
**Malaysiakini.com**  
**May 9, 2011**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima kunjungan tiga Duta Besar Malaysia yang baru dilantik, di pejabatnya di Putrajaya.

Mereka ialah Duta Besar Malaysia ke Thailand Datuk Nazirah Hussain, Duta Besar Malaysia ke Sudan Mohd Ashri Muda dan Duta Besar Malaysia ke Oman Datuk Rustam Yahaya.

Sebelum pelantikannya, Nazirah ialah Ketua Pengarah (Perancangan Dasar dan Strategik) Kementerian Luar, manakala Mohd Ashri memegang jawatan Timbalan Ketua Protokol Kementerian Luar.

Rustam pula sebelum ini merupakan Penasihat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom.

--Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/163591>